

DYNAMIC CHANGES IN THE INTERPRETATION OF HOMOSEXUALITY AND ITS PUNISHMENT IN CHRISTIANITY: A PRELIMINARY STUDY

DINAMIKA PERUBAHAN INTERPRETASI BERKAITAN HUKUM DAN HUKUMAN HOMOSEKSUALITI DALAM AGAMA KRISTIAN: SATU TINJAUAN AWAL

Roslizawati Mohd Ramly¹ & Marina Munira Abd Mutalib²

¹ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Program Pengajian Akidah dan Agama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. roslizawati@usim.edu.my

² Pensyarah Kanan, Program Pengajian Akidah dan Agama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. marinamunira@usim.edu.my

Vol. 6. No. 2
Special Edition
(SKESA) 2019

Abstract

The Book of Bible has been adamant in interpreting the punishment of homosexuality which threatened the doer with death penalty. This is because, the homosexuality is regarded as against the values and teachings of Christianity. Yet, of late the prohibition and the threat have been new interpretations by some Christians theologians. In return, homosexuality practice has now been marked as human rights agenda. and its punishment. As such, LGBT is considered as human liberty. Therefore, this paper applied descriptive method to explain various interpretations of the biblical texts. The result shows that, the dynamic interpretation of the Biblical texts which largely influenced by liberalism ideology has changed the traditional understanding of homosexuality within Christianity.

Keywords: *Homosexuality, Punishment, Bible, Interpretation, Christianity.*

Abstrak

Kitab Suci Bible secara jelas melarang perlakuan hubungan sejenis (homoseksual) dan mengancam pelakunya dengan hukuman mati. Hal ini kerana, homoseksual dilihat bercanggah dengan nilai-nilai ajaran murni dalam agama Kristian. Namun begitu, dewasa ini larangan dan ancaman tersebut telah diberikan penafsiran baru oleh para teologi agama Kristian. Kesannya, perlakuan LGBT (Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender) dilihat sebagai satu bentuk hak asasi manusia. Kertas kerja ini cuba menjelaskan secara deskriptif penafsiran terhadap Bible oleh para Kristian teologi. Hasil kajian menunjukkan bahawa kepelbagaian (dinamika) interpretasi terhadap teks-teks Bible yang dipengaruhi oleh fahaman ideologi liberalism telah merubah hukum homoseksualiti yang selama ini diharamkan oleh kelompok tradisional.

Kata kunci: *Homoseksual, Hukuman, Interpretasi, Bible, Kristian.*

PENDAHULUAN

Homoseksualiti dalam agama Kristian adalah merupakan perkara yang dilarang. Menurut Kamus Dewan homoseksualiti atau juga dikenali sebagai 'gay' didefinisikan sebagai "lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya" (Kamus Dewan Edisi Keempat, prpm.dbp.gov.my.)

Dalam konteks semasa, pelaku homoseksual atau gay lebih dikenali sebagai golongan LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender). Secara mudahnya, golongan homoseksual atau gay adalah lelaki yang secara seksualnya tertarik kepada lelaki sahaja dan mengamalkan seks songsang yang bercanggah dengan ajaran agama mahupun norma sosial masyarakat.

Perkataan interpretasi pula bermaksud tafsiran terhadap makna sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat, prpm.dbp.gov.my.). Dalam konteks penulisan ini, perkataan interpretasi merujuk kepada penafsiran ayat-ayat berkaitan homoseksual yang dinyatakan di dalam Kitab Suci orang Kristian iaitu Bible. Bible atau dalam Bahasa Melayu dikenali sebagai 'Al-Kitab Berita Baik.' Adalah merupakan kitab suci dalam agama Kristian. Kitab ini mengandungi dua bahagian (Mohd Rosmizi, Wan Mohd Fazrul Azdi, Marina Munira & Roslizawati, 2016).

Bahagian yang pertama dikenali sebagai Perjanjian Lama dan bahagian kedua dinamakan sebagai Perjanjian Baru (Mohd Rosmizi, et al., 2016). Kitab Bible ini secara umumnya diimani oleh kesemua penganut agama Kristian sebagai wahyu (*Divine inspired word*) dan menjadi rujukan serta panduan dalam urusan agama mereka (Yofsan Tolanda, 2011).

Adalah juga penting untuk memahami terlebih dahulu bahawa kaedah pentafsiran Bible dikenali sebagai hermeneutik. Hermeneutik adalah cabang daripada ilmu filologi yang digunakan bagi menjelaskan makna-makna yang terdapat dalam tanda-tanda dan simbol-simbol yang dipakai dalam sebarang bentuk komunikasi sama ada

lisan mahupun teks (Noor'ain Mustaffa Johari, Mazlan Ibrahim & Nur Farhana Abdul Rahman, 2017). Pada awalnya, kaedah penafsiran hermeneutik hanya bersifat literal sahaja seperti mana yang dipraktikkan oleh Jesus dan para pengikutnya.

Namun, seiring dengan perubahan zaman, para pemimpin agama Kristian memperkenalkan perbagai kaedah hermeneutik Bible antaranya *allegorical Interpretation* (untuk menjelaskan maksud yang tersurat dan tersirat terhadap teks-teks dalam Bible), sejarah, bahasa, tropology dan analogi dan juga mengaplikasikan faham rasionalisme pada abad ke 19 dalam mentafsirkan Bible.

Menurut Noor'ain et. al. (2017), kesan daripada pendekatan faham rasionalisme Bible telah ditafsirkan dengan menggunakan metod akademik manusia zaman moden. Para teologi Kristian juga turut mengaplikasikan teori evolusi dalam pentafsiran agama dan Bible serta menganggap bahawa teks-teks Bible tidak semuanya relevan dengan konteks semasa.

Selain daripada itu muncul pula fahaman liberalisme yang di dokong oleh golongan Kristian Protestan yang mempromosikan idea bahawa setiap orang mampu mentafsirkan Bible. Natiyah daripada ini, terdapat kepelbagaian pandangan mengenai hukum dan hukuman homoseksualiti dalam agama Kristian.

Ada yang beranggapan bahawa homoseksualiti adalah merupakan suatu perkara yang ditegah dan dilarang, ada pula yang mendakwa bahawa homoseksualiti adalah merupakan satu perkara yang diharuskan kerana tiada hukum yang jelas mengenainya dalam Bible.

Penulisan ini tertumpu kepada perubahan interpretasi mengenai hukuman homoseksualiti dalam agama Kristian. Bagi menjelaskan perubahan interpretasi terhadap hukum dan hukuman homoseksualiti, analisa perbandingan secara deskriptif terhadap interpretasi ayat-ayat Bible berkaitan hukum dan hukuman homoseksualiti antara ahli teologi berfahaman

tradisionalis dan modenis telah dilakukan. Golongan yang mengikut kaedah penafsiran secara literal dikategorikan sebagai golongan tradisionalis. Golongan yang melakukan penafsiran secara rasional dan dipengaruhi faham liberaslisme dikategorikan sebagai golongan modenis.

AYAT-AYAT BIBLE BERKAITAN HUKUM DAN HUKUMAN HOMOSEKSUALITI

Terdapat beberapa ayat dalam Bible yang menyentuh hukum homoseksualiti dan hukuman atau akibat yang dikenakan kepada pelaku homoseksualiti. Antara ayat-ayatnya adalah seperti berikut:

'Jangan meniduri seorang lelaki sama seperti kamu meniduri seorang wanita. Perbuatan itu sangat menjijikkan (Fasal Imamat, 18: 22).

"Jika seorang lelaki meniduri lelaki lain sama seperti dia meniduri seorang wanita, kedua-dua lelaki itu mesti dihukum mati. Perbuatan mereka itu sangat menjijikkan" (Fasal Imamat, 20: 13).

"Sebelum mereka tidur, semua lelaki di kota Sodom, baik yang muda mahupun yang tua, berkumpul lalu mengepung rumah Lot. Mereka terus memanggil Lot dan berkata, "Di mana lelaki yang datang ke rumahmu malam ini? Bawalah mereka keluar supaya kami dapat melakukan hubungan seks dengan mereka. Kemudian Lot keluar untuk menemui mereka, lalu dia menutup pintu. Dia berkata, "Saudara-saudaraku, tolong jangan lakukan perbuatan sejahat itu. Aku mempunyai dua orang anak perempuan yang masih dara. Biarlah aku membawa mereka kepada kamu, dan kamu boleh melakukan apa sahaja yang kamu mahu terhadap mereka. Tetapi janganlah lakukan apa-apa kepada dua orang lelaki ini. Mereka telah datang ke rumahku, dan aku harus melindungi mereka." Kemudian mereka berkata, "Berambus! Berani engkau menghakimi kami sedangkan engkau hanyalah orang asing yang datang untuk tinggal di sini. Sekarang kami akan membuat engkau lebih merana

daripada dua orang lelaki itu!"Lalu Tuhan memusnahkan kota Sodom dan Gamura dengan menurunkan hujan belerang dan api (Fasal Kejadian 19: 4-9, 28).

Berdasarkan daripada ayat-ayat di Bible yang dinyatakan, dapat difahami secara literal bahawa homoseksual mahupun lesbian adalah perbuatan yang dilarang di dalam agama Kristian kerana dianggap sebagai perbuatan yang "menjijikkan" dan "jahat." Manakala dari sudut hukumannya, Bible menyatakan bahawa pelaku homoseksual mahupun lesbian hendaklah dihukum bunuh kerana telah melakukan dosa yang besar di sisi Tuhan.

AYAT-AYAT BIBLE BERKAITAN HUKUM DAN HUKUMAN HOMOSEKSUALITY: INTERPERTASI PARA TRADISIONALIS

Kebanyakan para teologi Kristian yang mentafsirkan Bible secara literal bersetuju bahawa homoseksuality adalah merupakan satu perkara yang ditegah oleh Tuhan dan jika dilakukan juga boleh mengakibatkan dosa. Ini jelas dapat dilihat melalui ajaran yang dibawa oleh St. Paul sendiri.

St. Paul dianggap oleh orang Kristian sebagai "*the second founder of Christianity.*" Sama seperti Jesus, beliau melarang keras perbuatan homoseksualiti dan menyatakan bahawa pelakunya harus dihukum mati.

Larangan ini dapat dilihat dalam Bible, Fasal Roma seperti mana yang dicatatkan oleh St. Paul sendiri seperti berikut:

"Itulah sebabnya Tuhan membiarkan mereka dikuasai oleh keinginan hati untuk melakukan perkara yang hina dan keji. Mereka melakukan hal-hal yang memalukan terhadap satu sama lain. Mereka menukar ajaran benar daripada Tuhan dengan dusta. Mereka lebih suka menyembah dan mentaati apa yang diciptakan oleh Tuhan, daripada menyembah dan mentaati Tuhan yang menciptakan semuanya. Dialah yang seharusnya dipuji selama-lamanya! Amin. Kerana manusia berbuat demikian, Tuhan

menyerahkan mereka kepada hawa nafsu yang keji. Wanita melakukan hubungan jenis dengan sesama wanita, dan hal itu tidak sepatutnya dilakukan. (Begitu juga halnya dengan lelaki; mereka tidak lagi melakukan hubungan jenis dengan wanita, melainkan berahi sesama lelaki, dan hal itu memalukan. Oleh itu mereka menerima hukuman setimpal dengan dosa mereka..... Mereka tahu benar bahawa menurut hukum Tuhan yang adil, orang yang sering melakukan hal-hal sedemikian harus dihukum mati (Roma 1: 24-27, 32).

Manakala menurut Thomas Aquinas pula, homoseksualiti adalah suatu dosa terkutuk dan dosanya adalah jauh lebih berat dari dosa zina. Hal ini kerana perbuatan homoseksualiti merupakan satu bentuk pelanggaran yang serius terhadap tujuan tuhan menciptakan lelaki dan wanita serta fitrah kejadian manusia (Jurkewicz, 2013). Fitrah manusiawi telah dijadikan oleh Tuhan, dan setiap perkara yang menyalahinya adalah suatu dosa kepada Tuhan (Jurkewicz, 2013).

Tuhan telah menciptakan lelaki dan wanita sebagai pasangan yang sepadan dan memerintahkan mereka supaya beranak cucu (Fasal Kejadian,1:27-28.).

“Maka Tuhan menciptakan manusia menurut gambaran-Nya. Demikianlah lelaki dan perempuan diciptakan menurut gambaran Tuhan. Lalu Tuhan memberkati mereka dan berfirman kepada mereka, “Hendaklah kamu mempunyai anak cucu yang banyak. Penuhilah bumi, dan hendaklah kamu menguasainya. Hendaklah kamu menguasai ikan di laut, makhluk yang berterbangan di langit, dan semua makhluk hidup di bumi.”

Hubungan antara lelaki dan wanita dalam perkahwinan adalah anugerah daripada Tuhan dan ia tidak boleh berubah sama sekali atas faktor budaya mahupun perubahan zaman. Penciptaan laki-laki dan wanita yang diciptakan Tuhan, saling lengkap melengkapi dan pandangan inilah yang

sangat popular di kalangan “creationist.” *“Itulah sebabnya seorang lelaki meninggalkan ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya, lalu mereka menjadi satu”* (Fasal Kejadian 2: 2-4). Pandangan kumpulan ini terhadap hubungan sejenis adalah ditegah dan ia adalah suatu perbuatan yang tidak bermoral.

Pihak Gereja Katolik juga telah mengambil beberapa pendekatan untuk mengekang amalan homoseksualiti di kalangan pengikut Kristian. Sebagai contoh, pada tahun 2003, Vatican telah menerbitkan satu glossari umum tentang terminologi yang berkaitan dengan seksualiti *Lexicon on Ambiguous and Colloquial Terms regarding Family Life and Ethical Questions* (Jurkewicz, 2013).

Amalan homoseksualiti telah ditakrifkan sebagai konflik psikologi yang tidak diurus dan merujuk kepada amalan yang tidak normal. Negara-Negara yang membenarkan perkahwinan sesama jantina adalah di kalangan penghuni yang mengalami masalah mental.

Walau bagaimanapun, pandangan Gereja Katholik ini telah mencetuskan polemik dan kontroversi dalam kalangan masyarakat Barat. Di atas beberapa faktor, pihak luar mengecam tindakan pihak Gereja dan menyuarakan tentang hak kesamarataan antara individu manusia.

Manakala, jika ditinjau dari sudut sejarah agama Kristian dalam menjatuhkan hukuman terhadap pelaku homoseksual kita dapati bahawa hukuman yang dikenakan terhadap pelaku homoseksual konsisten dengan perintah Bible. Pada awal perkembangan agama Kristian di Rom, mereka telah meminjam dan mengadaptasi undang-undang yang dikenali sebagai Lex Scantinia untuk menghukum kesalahan sesksual yang dilakukan terhadap kanak-kanak (Jurkerwicz, 2013).

Undang-undang tersebut pada asalnya dicipta oleh pemerintah Rom untuk menghukum jenayah homoseksual yang dilakukan terhadap kanak-kanak dan lelaki yang merdeka, Dalam erti kata yang lain, pelakuan homoseksual dibenarkan sekiranya dilakukan dengan

golongan hamba (www.heritagedaily.com).

Walau bagaimanapun, setelah agama Kristian mendominasi kerajaan Rom pada kurun ke-4 Masihi, satu undang-undang baru telah diperkenalkan (www.heritagedaily.com). Homoseksual telah dikanunkan sebagai satu kesalahan jenayah di dalam *Codex Theodosianus* (Kompilasi Undang-undang Rom). Pada tahun 390 Masihi, tiga orang pemerintah kerajaan Rom iaitu Valentinian II, Theodosius I dan Arcadius mengisytiharkan pengharaman secara total pelakuan homoseksualiti diseluruh negara jajahan takluk dinasti Rom.

Tidak seorang pun samada merdeka atau hamba dibenarkan mengamalkan homoseksualiti. Pelaku jenayah homoseksualiti diancam dengan hukuman yang sangat berat iaitu dibakar hidup-hidup sehingga mati (Markus Miligan, 2018).

Seterusnya, pada kurun ke 7 dan ke-8 Masihi, hukuman berkaitan homoseksualiti dilakukan berdasarkan kaedah dan tatacara penebusan dosa yang dinamakan sebagai *the Penitentials*. Dokumen tersebut dikeluarkan oleh geraja Katolik sebagai panduan kepada para paderi.

Namun, hukuman adalah berbeza dan lebih ringan. Pelaku homoseksual walaupun dilihat telah melakukan dosa yang besar namun mereka tidak lagi dijatuhkan hukuman mati. Pelaku homoseksual hanya dijatuhkan hukuman penjara antara 3 hingga 15 tahun (Jurkewicz, 2013).

Bukti sejarah ini secara tidak langsung menjadi satu hujah penting bahawa golongan tradisional melihat homoseksual sebagai satu perbuatan yang bercanggah dengan ajaran Tuhan dan mesti dihukum dengan seberat-berat hukuman termasuk hukuman bunuh.

Jelasnya, homoseksualiti menurut pandangan para tradisional adalah suatu dosa. Walaupun pada masa kini tiada hukuman mati dikenakan terhadap pelaku homoseksual, masyarakat Kristian khansya dari aliran mazhab Katolik masih menganggap isu ini sebagai suatu perkara yang 'tabu'.

AYAT-AYAT BIBLE BERKAITAN HUKUM DAN HUKUMAN HOMOSEKSUALITY: INTERPERTASI PARA MODENIS

Golongan modenis menyangkal interpretasi ayat berkaitan homoseksual sebagai satu perintah larangan Tuhan secara mutlak terhadap amalan homoseksualiti. Antara golongan modenis tersebut adalah Dr. William Countrymen.

Beliau merupakan Professor dalam bidang Kajian Perjanjian Baru di Church Divinity School di Berkeley California. Countrymen menyatakan banyak usul. Antaranya:

(1) beliau menyanggah bahawa tafsiran tentang ayat (Fasal Kejadian 2:3) bukanlah bersifat imperatif dari sudut pandang etika. Ini kerana, sebagai contoh dalam ayat tersebut ada menyentuh tentang amalan *Sabbath*.

Sehingga kini amalan *Sabbath* bukanlah menjadi suatu amalan dalam masyarakat Kristian. Majoriti daripada masyarakat Kristian tidak lagi mengamalkannya kerana ia bukanlah suruhan Bible, tetapi lebih kepada faktor tradisi.

Oleh itu, beliau berpandangan bahawa tidak semua yang disebut dalam Bible itu bersifat perintah moral dan ia bukanlah suatu norma masyarakat Kristian yang tidak boleh diubah (Jurkewicz, 2013).

(2) Dr. Countryman juga ada menyentuh tentang hubungan intim sesama manusia dalam ayat tersebut. Tetapi beliau juga mendakwa bahawa tidak disebut dalam Bible hubungan kelamin manusia adalah bersifat heteroseksual semata-mata (Jurkewicz, 2013).

Walaupun dalam Bible menjelaskan bahawa kerangka hubungan intim manusia bersifat heteroseksual, tetapi ia tidak boleh sama sekali menafikan beberapa kecenderungan lain. Hujah ini semakin popular di Barat dan ramai tampil untuk menyuarakan ketegasan mereka dalam mengemukakan interpretasi-interpretasi baru kitab Bible yang selari dengan kehendak nafsu mereka (Jurkewicz, 2013).

Manakala berkaitan ayat Sodom dan Gamora, golongan moden mendakwa bahawa perkataan *yada'* berasal daripada bahasa Ibrani tidaksemestinya bermaksud “hubungan seksual”. Hal ini kerana, perkataan itu juga membawa maksud “berkenalan-kenalan”.

Ini dapat dilihat melalui hujah yang dibawa oleh Derrick Sherwin Bailey (1995). Beliau berpandangan bahawa sebutan *yada'* yang disebut sebanyak 943 kali dalam Bible, hanya 10 sahaja yang merujuk kepada makna hubungan seksual. Justeru, Bailey mendakwa bahawa penduduk Sodom hanya mahu “berkenalan-kenalan” dan bukannya mahu bersetubuh dengan dua orang tetamu Nabi Luth (Bailey, 1995).

Walau bagaimanapun pandangan Bailey ditolak oleh Dailey (2004). Menurut Dailey (2004) kenyataan Bailey tidak konsisten sama sekali kerana dalam ayat tersebut dua kali perkataan *yada'* digunakan. Pertama, ia merujuk kepada kata-kata Nabi Luth bahawa anak-anak perempuannya tidak pernah berhubungan intim (*yada'*) dengan mana-mana lelaki.

Kedua, penggunaan yang merujuk kepada hanya berkenalan-kenalan adalah tidak konsisten (Dailey, 2004). Ia juga membawa kepada niat sebenar masyarakat Sodom iaitu untuk berhubungan intim secara salah dan di luar adab dan tabii kemanusiaan yang sangat dikecam oleh pihak gereja dan majoriti masyarakat Kristian, Yahudi dan Islam.

Manakala di Indonesia, menurut Stephen Suleeman (seorang pensyarah dan aktivis pendukung LGBT) berhujah bahawa ayat Sodom dan Gamora tidak berkait langsung dengan larangan homoseksual ataupun sebab kenapa kota Sodom dan Gamora dimusnahkan oleh Tuhan. Beliau mendakwa bahawa desakan penduduk untuk menyertubuhi dua orang tetamu Luth tidak sekali-kali bermakna mereka memiliki orientasi seperti golongan gay (Layantara, 2016).

Penduduk Sodom hanya ingin menunjukkan bahawa kedua orang tetamu tersebut tidak layak untuk

menghakimi mereka dengan cara melakukan pemerkoasaan masal (lelaki dengan lelaki).

Pemerkoasaan masal adalah merupakan satu kewajaran di Timur Tengah pada ketika itu sebagai lambang kemenangan atas musuh-musuh mereka. Tambahan pula, penduduk Sodom dan Gamora terdiri daripada pelbagai lapisan umur. Justeru, menunjukkan bahawa mereka adalah heteroseksual (dapat melahirkan zuriat) (Layantara, 2016).

Para moden juga turut memberikan pentafsiran baru berkaitan homoseksual yang dituliskan oleh St. Paul dalam Fasal Roma 1: 24-32. Menurut Robin Scroggs (1983) Paul tidak menghalang homoseksualiti secara mutlak. Apa yang ditegah oleh Paul hanyalah perlakuan homoseksualiti yang bersifat ganas terutamanya yang dilakukan oleh seorang lelaki dewasa terhadap kanak-kanak bawah umur (*pedastry*).

Para moden juga berpandangan bahawa hukuman dan kutukan dalam perjanjian lama tentang kaum Sodom hanyalah kepada perlakuan seks ganas dan bukan amalan homoskesualiti. Pemahaman seperti ini juga telah menghadkan bahawa amalan yang ditegah dalam kitab perjanjian lama ialah merujuk kepada hubungan kelamin yang bersifat ganas tidak kiralah sama ada hubungan itu homoseksual atau heteroseksual (Dailey, 2004).

Atau dengan kata lain, pandangan yang dikemukakan oleh golongan moden ini ialah mereka melihat bahawa perbuatan yang dikutuk secara jelas dalam kitab perjanjian lama dan baru itu bukanlah hubungan homoseksual secara mutlak, tetapi ia lebih kepada hubungan seks ganas dalam semua kecenderungan.

“Kalau Paul menentang secara spesifik, maka kata-kata beliau tidak boleh digeneralisasikan menjangkau apa yang tersirat tanpa menjatuhkan kredibiliti kitab suci” (Scroggs, 1983).

Pandangan-pandangan yang bersifat kontemporari seperti ini jelas menggugat nilai dan etika dalam ajaran agama Kristian. Malah, salah seorang

daripada agamawan dalam agama Kristian mengatakan bahawa amalan homoseksualiti adalah kebodohan moral yang sangat dikeji (Bennet, 1978).

Dailey (2004) juga turut menyangkal pandangan-pandangan ini dengan mengatakan, jika Paul membahagikan perbuatan homoseksualiti itu kepada suatu yang bermoral dan tidak bermoral tentulah daripada awal lagi penjelasan tentang perkara itu dibuat. Tetapi dalam ayat yang dikemukakan dalam (Roma 1, 24-32) ini sangat jelas menunjukkan bahawa perbuatan homoseksual dan lesbian adalah sangat tidak bermoral dalam ajaran Kristian.

Sebagaimana Paul turut mengambil inisiatif dalam menjelaskan apakah makanan yang halal dimakan, dan makanan yang tidak halal dimakan, Paul telah membuat penjelasan secara terperinci tentang pembahagian tersebut di dalam Fasal Korintus 7:10-17 (Dailey, 2004).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya terdapat perbezaan yang besar dalam memberikan penafsiran ayat-ayat Bible berkaitan hukum dan hukuman homoseksualiti antara golongan tradisional dan golongan moden.

Golongan tradisional yang berpegang kepada kaedah penafsiran secara literal seperti yang dipakai oleh Jesus dan pengikutnya cenderung menegah perbuatan homoseksual kerana ianya dianggap sebagai satu dosa dan melanggar perintah Tuhan.

Namun, penafsiran mereka terhadap hukuman kesalahan homoseksual didapati menjadi semakin ringan selari dengan peredaran zaman ataupun kerana menerima tekanan dari pejuang hak asasi manusia.

Manakala golongan moden yang dipengaruhi faham liberalisme dan kaedah penafsiran secara logik, mendakwa bahawa ayat-ayat berkaitan homoseksual tidak dengan jelas melarang perlakuan homoseksual.

Justeru perbuatan homoseksual boleh dilakukan asal sahaja tidak

melakukan keganasan. Jelasnya bagi golongan moden, Bible tidak melarang perlakuan homoseksual secara mutlak.

Oleh itu, pelaku homoseksual perlu dihormati dan disantuni atas dasar hak asasi manusia. Kesimpulan ini secara tidak langsung dari satu segi, menjelaskan mengapa persoalan mengenai hukuman Bible tidak lagi dititik beratkan oleh kebanyakan gereja pada hari ini.

RUJUKAN

- Derrick Sherwin Bailey. 1995. *Homosexuality and the Western Christian Traditions*. London: Longmans, Green & Co.
- Jurkewicz, Regina Soares. 2013. *Homosexuality and Christianity, Sexuality, Culture & Politics*. A South American Reader, pp.593-599.
- Robin Scroggs. 1983. *The New Testament and Homosexuality*. Philadelphia: Fortress Press.
- Timothy J. Dailey. 2004. *The Bible, the Church and Homosexuality: Exposing the Gay Theology*. USA: Family Research Council.
- Siti Hajar Jamal. 2018. *Memahami Konsep Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT) Dari Konteks Sosial*. Penyunting: Rahimah Embong, Hanif Md Lateh @ Junid, Mustafa Che Omar, Mohamad Zaidin Mohamad & Abdul Hakim Abdullah. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018. (993-1000). Kuala Terengganu: UNISZA.
- Syafi'in Mansur. 2017. *Homoseksual Dalam Perspektif Agama-Agama Di Indonesia*. Aqlania. Vol. 08. No. 01 (Januari-Juni). IAIN Sultan Maulana Hasanuddin Banten.

Internet

- Jessica Layantara. 2016. *LGBT: Kristen Konservatif VS Kristen Liberal*. <https://www.kompasiana.com/jessicalayantara/56bc455fdb93733a048b4570/lgbt-kristen->

- konservatif-vs-kristen-liberal?page=3.
Kamus Dewan Edisi Keempat. prpm.dbp.gov.my. (Tarikh capaian 20 Julai 2019).
Ku Syafiq Ku Fozi. 2019. (9 Mac 2019). *Perarakan Wanita Dicemari Perjuangan LGBT. Utusan Online* <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/perarakan-wanita-dicemari-perjuangan-lgbt-1.857072>.
Markus Miligan. 2018. *Roman Sex, Sexuality, Slaves and Lex Scantinia* <https://www.heritagedaily.com/2018/01/roman-sex-sexuality-slaves-and-lex-scantinia/97996>.
Michael Segalov. 2019. *Progressive Muslims, Jews And Christians Must Stand Together For LGBT Rights*. (17 April 2019) <https://www.theguardian.com/commentisfree/2019/apr/17/progressive-muslims-jews-christians-lgbt-rights-parkfield>.
Noor'ain Mustaffa Johari, Mazlan Ibrahim & Nur Farhana Abdul Rahman. 2017. *Konsep Tafsir Dalam Kajian Bible*. Fikiran Masyarakat. Vol. 5. No.1. <http://www.kemalapublisher.com/index.php/fm/article/view/241>.
Yofsan Tolanda, Daniel Ronda. 2011. *Tinjauan Etika Kristen Terhadap Homoseksualitas*. Jurnal Jaffray. Vol. 9. No. 1. <http://dx.doi.org/10.25278/jj71.v9i1.88>.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.